

hoolah

DASAR PRIVASI

Kandungan

1.	PENGENALAN	3
2.	DEFINISI DAN INTERPRETASI	3
3.	PENGUMPULAN DATA PERIBADI	4
4.	TUJUAN.....	4
5.	PENDEDAHAN DAN PEMINDAHAN DATA PERIBADI	5
6.	KUKI	6
7.	MENARIK BALIK KEBENARAN ANDA	6
8.	PERLINDUNGAN DATA PERIBADI	7
9.	KETEPATAN DATA PERIBADI	7
10.	AKSES DAN PEMBETULAN DATA PERIBADI	7
11.	PENGEKALAN DATA PERIBADI	8
12.	MAKLUMAT PERIBADI PIHAK KETIGA.....	8
13.	HUBUNGI KAMI	8
14.	PINDAAN DAN PERUBAHAN	8
15.	UNDANG-UNDANG MENTADBIR.....	8

DASAR PRIVASI HOOLAH (MALAYSIA)

PENGENALAN

Dasar privasi ini ("**Dasar Privasi**") menetapkan asas untuk HOOLAH MALAYSIA SDN. BHD (1322577-D) ("**hoolah**," "**kami**") dalam mengumpul, menggunakan, memproses, mendedahkan dan/atau memindahkan data peribadi (ditakrifkan seperti di bawah) mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 ("**APDP**").

Dasar Privasi ini terpakai kepada data peribadi individu ("**anda**") dalam pemilikan kami atau di bawah kawalan kami, termasuk data peribadi dalam pemilikan organisasi yang kami terlibat untuk mengumpul, menggunakan, memproses, mendedahkan dan/atau memindahkan data peribadi untuk tujuan kami.

Untuk versi Bahasa Inggeris, sila [klik di sini](#). Sekiranya berlaku sebarang konflik, versi Bahasa Inggeris adalah diutamakan.

DEFINISI DAN INTERPRETASI

Takrif berikut digunakan dalam Dasar Privasi ini melainkan tidak konsisten dengan konteks atau tidak seperti dinyatakan:

"Kumpulan hoolah"	bermaksud hoolah, mana-mana syarikat induk, anak syarikatnya (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat Malaysia 2016 dan/atau sekutu.
"aplikasi mudah alih hoolah"	bermaksud aplikasi mudah alih dibangunkan hoolah untuk pedagang dan pengguna untuk menggunakan Perkhidmatan.
"Sistem Pembayaran hoolah"	bermaksud sistem yang dibangunkan oleh hoolah untuk pelaksanaan dan pentadbiran penyelesaian pembayaran atas talian, yang memberikan keupayaan untuk pedagang menawarkan pilihan kepada pengguna untuk membeli dan membayar produk melalui satu jumlah sekali gus secara tertunda, dan yang mana termasuk pemeriksaan dan penilaian pengesahan ke atas pengguna dan pedagang yang menggunakan sistem, menguruskan akaun dan memproses urus niaga dan permintaan.
"portal hoolah"	bermaksud portal atas talian disediakan oleh hoolah kepada pedagang dan pengguna untuk menguruskan akaun masing-masing pada Sistem Pembayaran hoolah.
"laman web hoolah"	bermaksud https://www.hoolah.co/ .
"data peribadi"	bermaksud sebarang data, tanpa mengira formatnya, mengenai seseorang yang boleh dikenalpasti dari data tersebut atau dari data itu dan maklumat lain yang mana organisasi miliki atau mungkin mempunyai akses.
"Perkhidmatan"	bermaksud penyediaan Sistem Pembayaran hoolah dan apa-apa perkhidmatan lain yang mungkin disediakan oleh hoolah dari semasa ke semasa.

Terma lain yang digunakan dalam Dasar Privasi ini hendaklah mempunyai maksud yang diberikan kepadanya dalam APDP (sekiranya konteksnya membenarkan).

PENGUMPULAN DATA PERIBADI

Bergantung pada sifat urus niaga anda dengan kami, data peribadi yang kami dapat boleh kumpul daripada anda termasuklah (tetapi tidak terhad kepada) nama anda dan maklumat pengenalan seperti nombor kad pengenalan tempatan anda, maklumat hubungan seperti alamat, alamat e-mel atau nombor telefon anda, kewarganegaraan, jantina, tarikh lahir, lokasi dan maklumat kewangan seperti nombor kad kredit, nombor kad debit atau maklumat akaun bank. Kegagalan untuk menyediakan data peribadi akan menyebabkan kami tidak dapat memberikan sebarang atau semua Perkhidmatan kepada anda.

Data peribadi sedemikian boleh dikumpulkan daripada anda atau daripada orang yang diberi kuasa oleh anda untuk mendedahkan data peribadi anda kepada kami melalui cara berikut, yang mana tidak menyeluruh:

- (a) penciptaan satu akaun dalam Sistem Pembayaran hoolah;
- (b) penciptaan satu pesanan dalam Sistem Pembayaran hoolah;
- (c) menggunakan laman web hoolah, aplikasi mudah alih hoolah dan/atau portal hoolah;
- (d) penyediaan butiran hubungan anda sebagai wakil sah syarikat anda; dan
- (e) sebarang interaksi dengan kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pertukaran e-mel dengan kami.

Kami juga boleh menerima data peribadi mengenai anda daripada pihak ketiga dan sumber lain dalam keadaan berikut:

- (a) apabila anda mencipta akaun dan menyambung ke Perkhidmatan dengan menggunakan kelayakan laman rangkaian sosial seperti Facebook, dan dalam kes sedemikian, kami akan, dan anda memberi kuasa kepada kami untuk mengakses dan/atau menerima data peribadi anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama anda, e-mel, jantina, hari lahir dan maklumat lain yang anda sediakan di laman rangkaian sosial tersebut) daripada laman rangkaian sosial tersebut mengikut terma dan syarat mereka, dan kami akan mengendalikan data peribadi tersebut mengikut Dasar Privasi ini;
- (b) apabila kami menjalankan siasatan ke atas anda disebabkan oleh keadaan berhutang anda kepada kami; dan
- (c) apabila kami telah melibatkan pihak ketiga untuk mengutip hutang anda kepada kami, dan pihak ketiga tersebut telah mengumpul data peribadi tambahan mengenai anda sebagai sebahagian daripada proses mengutip hutang mereka.

TUJUAN

Kami boleh mengumpul, menggunakan, memproses, mendedahkan dan/atau memindahkan data peribadi anda untuk mana-mana atau semua tujuan berikut:

- (a) menunaikan kewajipan ketika atau berkaitan dengan penyediaan Perkhidmatan kami yang anda minta;
- (b) mengesahkan identiti anda, termasuklah membezakan anda daripada orang lain dengan butiran yang sama atau serupa seperti diri anda;
- (c) memproses sebarang urus niaga pembayaran atau kredit; menguruskan hubungan anda dengan kami;

- (d) memberi respons, mengendali dan memproses pertanyaan, permintaan, permohonan, aduan dan maklum balas daripada anda;
- (e) menjalankan aktiviti perniagaan yang munasabah seperti audit, pengurusan risiko, pelaporan perniagaan, kawalan kualiti perkhidmatan, analisis statistik dan trend dan aktiviti berkaitan atau serupa yang lain;
- (f) mematuhi mana-mana dasar dalaman, undang-undang, peraturan, kod amalan, garis panduan atau aturan yang berkenaan (termasuk yang berkaitan dengan penipuan, anti pengubahan wang haram dan antikeganasan), atau untuk membantu dalam penguatkuasaan undang-undang dan penyiasatan yang dijalankan oleh mana-mana kerajaan dan/atau pihak berkuasa kawal selia;
- (g) pengutipan dan penyelesaian sebarang hutang anda kepada kami;
- (h) melaporkan maklumat mengenai anda kepada biro atau agensi kredit sekiranya perlu;
- (i) menghantar komunikasi pemasaran kepada anda termasuklah buletin, pemberitahuan tentang penambahan pedagang baharu, penglibatan pedagang atau tawaran pedagang, melakukan tinjauan produk, pengiklanan produk, perkhidmatan dan jemputan acara yang serupa, dan anda berhak untuk menghentikan langganan dari komunikasi pemasaran sedemikian;
- (j) menguatkuasa atau mempertahankan hak kami, secara kontrak atau dengan cara lain, termasuklah penyiasatan dan mengambil bahagian dalam litigasi berpotensi atau sebenar, timbang tara atau proses perundangan lain;
- (k) apa-apa tujuan lain untuk data peribadi anda yang anda sediakan; dan
- (l) apa-apa tujuan perniagaan sampingan yang berkenaan atau berkaitan dengan perkara di atas.

Tujuan-tujuan ini boleh terus terpakai walaupun dalam keadaan apabila hubungan anda dengan kami telah ditamatkan atau diubah dengan apa-apa cara, untuk tempoh yang munasabah selepas itu (termasuk, jika berkenaan, tempoh untuk membolehkan kami menguatkuasakan hak kami di bawah mana-mana kontrak dengan anda).

Data peribadi yang anda berikan kepada kami tidak akan dijual, diniagakan, dilesenkan, ditawarkan atau dengan cara yang lain digunakan untuk tujuan pemasaran komersial yang tidak berkaitan dengan hoolah dan/atau Perkhidmatan.

PENDEDAHAN DAN PEMINDAHAN DATA PERIBADI

Kami mungkin mendedahkan dan/atau memindahkan data peribadi anda di dalam dan di luar Malaysia untuk tujuan yang dinyatakan di atas dan seperti yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang dan peraturan yang berkaitan kepada entiti berikut:

- (a) mana-mana entiti dalam Kumpulan hoolah;
- (b) mana-mana orang dan entiti yang terlibat dalam penyediaan Perkhidmatan kepada anda, termasuk pedagang, syarikat kad kredit dan pemproses dan penyedia pembayaran pihak ketiga;
- (c) mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga, ejen, kontraktor atau organisasi lain yang kami terlibat untuk menjalankan mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas;
- (d) mana-mana pihak ketiga yang terlibat dalam atau berkaitan dengan litigasi yang berpotensi atau sebenar, timbang tara atau proses undang-undang lain dengan kami;
- (e) mana-mana orang atau entiti yang mana kami mempunyai apa-apa kewajipan atau dengan cara lain dikehendaki untuk membuat pendedahan menurut proses perundangan atau kewajipan atau permintaan undang-undang atau kawal selia, termasuk pendedahan kepada mana-mana pihak

berkuasa kerajaan dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan, sama ada di Malaysia atau di luar negara;

- (f) mana-mana biro atau agensi rujukan kredit yang perlu dan sesuai; dan
- (g) mana-mana orang yang kepadanya pendedahan adalah munasabah yang dipertimbangkan sebagai perlu.

Kami akan berusaha dengan wajar untuk memastikan bahawa mana-mana pihak ketiga yang menerima data peribadi anda daripada kami akan mengendalikan data peribadi tersebut mengikut APDP.

Apabila kami memindahkan data peribadi anda ke negara-negara di luar Malaysia, kami akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa data peribadi anda terus menerima standard perlindungan yang setanding dengan yang diberikan di bawah APDP.

KUKI

Kuki merupakan fail dengan sedikit data dan mungkin termasuk pengenalan unik tanpa nama. Kuki dihantar ke pelayar anda dari laman web dan disimpan pada pemacu keras komputer anda.

Seperti kebanyakan laman web, laman web kami juga menggunakan kuki untuk mengumpulkan maklumat. Kuki sedemikian termasuk:

- (a) **kuki yang sangat diperlukan:** kuki sedemikian adalah penting untuk membolehkan anda melayari laman web kami dan menggunakan ciri-cirinya;
- (b) **kuki prestasi:** kuki sedemikian mengumpul maklumat mengenai cara pelawat menggunakan laman web kami dan digunakan untuk meningkatkan laman web kami;
- (c) **kuki fungsi:** kuki sedemikian membolehkan laman web kami untuk mengingatkan pilihan yang anda buat seperti nama pengguna dan bahasa akaun anda dan memberikan pengalaman peribadi; dan
- (d) **kuki pihak ketiga:** kuki tersebut didatangkan bersama fungsi tertentu di laman web kami yang mana kami gunakan pembekal pihak ketiga seperti Facebook Connect. Dalam kes sedemikian, kami mengesyorkan agar anda merujuk kepada dasar privasi pihak ketiga untuk mendapatkan maklumat mengenai penggunaan kuki mereka.

Anda boleh mengarahkan pelayar anda untuk menolak semua kuki atau untuk menunjukkan bila kuki sedang dihantar. Walau bagaimanapun, jika anda tidak menerima kuki, anda mungkin tidak dapat menggunakan beberapa bahagian pada laman web kami. Dengan menggunakan laman web kami tanpa memadam atau menolak sesetengah atau semua kuki, anda bersetuju bahawa kami boleh meletakkan kuki tersebut yang tidak dipadam oleh anda atau ditolak pada peranti anda.

Untuk maklumat lanjut mengenai kuki secara amnya dan cara untuk memadam atau menolaknya, anda boleh melawat www.allaboutcookies.org.

MENARIK BALIK KEBENARAN ANDA

Kebenaran yang anda berikan untuk pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi anda akan tetap sah sehinggalah tiba waktunya ditarik balik oleh anda secara bertulis. Anda boleh menarik balik kebenaran dan meminta kami untuk berhenti menggunakan dan/atau mendedahkan data peribadi anda untuk mana-mana atau semua tujuan yang disenaraikan di atas dengan mengemukakan permintaan anda secara bertulis kepada pegawai perlindungan data kami pada butiran hubungan yang disediakan di bawah.

Setelah menerima permintaan bertulis daripada anda untuk menarik balik kebenaran anda, kami mungkin memerlukan masa yang munasabah (bergantung kepada kerumitan permintaan dan kesannya terhadap hubungan kami dengan anda) untuk permintaan anda diproses dan bagi kami untuk

memaklumkan kepada anda tentang akibat disebabkan jika kami menyetujui perkara yang sama, termasuk apa-apa kesan perundangan yang boleh menjejaskan hak dan liabiliti anda kepada kami. Secara umum, kami akan berusaha untuk memproses permintaan anda dalam masa yang munasabah untuk penerimaan permintaan tersebut.

Walaupun kami menghormati keputusan anda untuk menarik balik kebenaran anda, sila ambil perhatian bahawa bergantung kepada sifat dan skop permintaan anda, kami mungkin tidak berada dalam kedudukan untuk terus menyediakan barangan atau perkhidmatan kami kepada anda dan kami akan, dalam keadaan demikian, memaklumkan anda sebelum melengkapkan proses permintaan anda. Sekiranya anda membuat keputusan untuk membatalkan permintaan menarik balik kebenaran anda, sila maklumkan secara bertulis kepada kami dengan cara yang sama.

Sila ambil perhatian bahawa menarik balik kebenaran tidak menjejaskan hak kami untuk terus mengumpul, mengguna dan mendedahkan data peribadi di mana pengumpulan, penggunaan dan pendedahan tersebut apabila dibenarkan atau dikehendaki di bawah undang-undang yang terpakai.

PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Kami komited untuk melindungi data peribadi anda dan akan mengambil langkah praktikal dan menggunakan usaha yang munasabah untuk melindungi data peribadi anda daripada sebarang kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan atau tidak sengaja, pengumpulan, penyalinan, pelupusan, perubahan atau pemusnahan atau risiko yang serupa.

Dalam hal ini, kami telah memperkenalkan langkah-langkah pentadbiran, fizikal dan teknikal yang sesuai seperti menyimpan data peribadi pada pelayan terjamin selamat yang diselenggarakan dalam kemudahan terkawal, menggunakan perlindungan antivirus terkini, penyulitan dan penggunaan penapis privasi untuk memastikan semua penyimpanan dan penghantaran data peribadi oleh kami, dan kami menghadkan akses terhadap data peribadi anda kepada orang yang diberi kuasa berdasarkan kerahsiaan dan keperluan untuk mengetahui.

Berhubung dengan maklumat kewangan anda, kami menggunakan pemproses kad kredit yang mematuhi piawaian industri yang ketat dan kami melaksanakan teknik untuk membolehkan pembayaran diproses dalam sistem kami tanpa menyimpan maklumat kewangan itu.

KETEPATAN DATA PERIBADI

Kami biasanya bergantung kepada data peribadi yang disediakan oleh anda atau wakil anda yang diberi kuasa. Untuk memastikan data peribadi anda adalah terkini, lengkap dan tepat, sila kemas kini kami jika terdapat perubahan pada data peribadi anda dengan memaklumkan kepada pegawai perlindungan data kami pada butiran hubungan yang disediakan di bawah.

AKSES DAN PEMBETULAN DATA PERIBADI

Tertakluk kepada pengecualian tertentu, anda boleh meminta satu salinan atau pembetulan kepada Data Peribadi anda yang dipegang oleh kami dengan menghubungi pegawai perlindungan data kami pada butiran hubungan yang disediakan di bawah.

Sila ambil perhatian bahawa bayaran yang munasabah boleh dikenakan untuk permintaan akses, dan kami akan memaklumkan anda tentang bayaran sebelum memproses permintaan anda.

Melainkan kami dibenarkan di bawah APDP untuk tidak mematuhi permintaan anda, kami akan berusaha untuk mematuhi permintaan anda dalam masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan permintaan anda. Sekiranya kami tidak dapat mematuhi sepenuhnya permintaan anda dalam tempoh tersebut, kami akan memaklumkan anda secara bertulis dalam tempoh yang berikut:

- (a) bahawa kami tidak dapat mematuhi sepenuhnya permintaan anda dalam tempoh dua puluh satu

- (21) hari;
- (b) sebab alasan kami tidak dapat melakukannya;
- (c) setakat mana kami dapat mematuhi permintaan anda; dan
- (d) tempoh masa yang kami rasakan boleh mematuhi sepenuhnya permintaan anda.

Sekiranya kami dibenarkan di bawah APDP untuk tidak mematuhi permintaan anda, kami akan memaklumkan kepada anda alasan sebab-sebab kami tidak dapat melakukannya, dalam masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan permohonan anda.

PENGEKALAN DATA PERIBADI

Kami boleh mengekalkan data peribadi anda selagi perlu untuk memenuhi tujuan dikumpulkan, atau seperti yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai.

Kami akan berhenti mengekalkan data peribadi anda atau mengeluarkan cara yang mana data boleh dikaitkan dengan anda, dengan seberapa segera yang munasabah untuk mengandaikan bahawa pengkalan tersebut tidak lagi memenuhi tujuan yang mana data peribadi dikumpulkan, dan tidak lagi perlu untuk tujuan undang-undang atau perniagaan.

MAKLUMAT PERIBADI PIHAK KETIGA

Anda bertanggungjawab untuk mendapatkan kebenaran mana-mana pihak ketiga jika anda menyediakan data peribadi pihak ketiga tersebut kepada kami. Kebenaran hendaklah disifatkan sebagai sudah diperolehi daripada pihak ketiga untuk sebarang data peribadi pihak ketiga yang disediakan oleh anda kepada kami.

HUBUNGI KAMI

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Dasar Privasi ini, atau jika anda ingin membuat sebarang permintaan mengenai data peribadi anda, sila hubungi pegawai perlindungan data kami melalui:

- (a) e-mel pada privacy@hoolah.co.

PINDAAN DAN PERUBAHAN

Kami mungkin meminda, mengubah atau mengubahsuai Dasar Privasi ini mengikut budi bicara mutlaknya dari semasa ke semasa tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu. Versi terbaharu yang berkuat kuasa boleh didapati di <https://www.hoolah.co/privacy/>.

Penggunaan berterusan Perkhidmatan kami selepas kami mengemas kini Dasar Privasi di laman web kami akan menjadi pengakuan dan penerimaan anda terhadap semakan dan kebenaran anda untuk mematuhi dan terikat dengan versi terbaharu Dasar Privasi.

UNDANG-UNDANG MENTADBIR

Dasar Privasi ini akan diselia dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.